GARIS PANDUAN
PENGELUARAN LESEN MEMBURU HIDUPAN LIAR YANG DILINDUNGI DENGAN CARA MENEMBAK (BERSYARAT)



JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	3
2.0	MATLAMAT GARIS PANDUAN	3
3.0	PEMAKAIAN	3
4.0	TAFSIRAN	3
5.0	SENARAI HIDUPAN LIAR YANG DIBENARKAN DAN MUSIM TERBUKA	4
6.0	TATACARA PERMOHONAN	5
7.0	LOKASI MEMBURU	6
8.0	PENUTUP	6
LAMPIRAN 1: BORANG PERMOHONAN LESEN/PERMIT		7
LAMPIRAN 2: SIJIL PENYERTAAN		8
LAMPIRAN 3: CARTA ALIR PENGELUARAN LESEN MEMBURU HIDUPAN LIAR YANG DILINDUNGI DENGAN CARA MENEMBAK (BERSYARAT)		9

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan bagi menyelaras pengeluaran Lesen Memburu Hidupan Liar yang Dilindungi dengan Cara Menembak (Bersyarat) untuk semua Pejabat PERHILITAN Negeri dan rujukan kepada orang awam yang ingin memohon lesen memburu dengan cara menembak.

2.0 MATLAMAT GARIS PANDUAN

Matlamat garis panduan ini adalah untuk:

2.1 Menerangkan prosedur permohonan lesen memburu dengan cara menembak (bersyarat).

2.2 Memastikan pemohon lesen memburu dengan cara menembak bertanggungjawab dan mematuhi akta dan peraturan yang berkuat kuasa.

3.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jika terdapat apa-apa percanggahan dalam garis panduan ini dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*], Perintah Pemuliharaan Hidupan Liar (Musim Terbuka, Kaedah dan Masa Memburu) 2014 dan Perintah Pemuliharaan Hidupan Liar (Musim Terbuka, Kaedah dan Masa Memburu) (Pindaan) 2020, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 akan terpakai.

4.0 TAFSIRAN

4.1 **"hidupan liar"** ertinya mana-mana spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada yang dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak.

4.2 **"hidupan liar yang dilindungi"** ertinya mana-mana hidupan liar yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta 716.

4.3 **"lesen"** ertinya suatu lesen yang diberikan di bawah Akta 716.

4.4 **"memburu"** termasuklah mengejar, memerangkap, menangkap, mengambil atau membunuh mana-mana hidupan liar dengan apa-apa cara yang ditetapkan, sama ada atau tidak hidupan liar itu pada masa itu atau kemudiannya diambil, diperangkap, ditangkap atau dibunuh.

4.5 **"musim terbuka"** ertinya suatu tempoh yang dalamnya hidupan liar yang dilindungi boleh diburu sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta 716.

4.6 **"pegawai pelesen"** ertinya berhubungan dengan suatu lesen, ertinya Pengarah, Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah.

4.7 **"senjata"** ertinya apa-apa jenis senjata maut berlaras yang darinya sesuatu letusan, peluru atau lain-lain bedilan boleh dilepaskan, atau yang boleh disesuaikan untuk melepas tembakan mana-mana letusan, peluru atau lain-lain bedilan tersebut, dan apa-apa jua jenis senjata yang direkabentuk atau disesuaikan atau yang boleh disesuaikan untuk melepaskan tembakan apa-apa cecair berbahaya, gas atau lain-lain benda, dan termasuklah sepucuk senapang angin, pistol angin, senapang automatik dan mana-mana bahagian-bahagian komponen mana-mana senjata tersebut, dan apa-apa barang tambah kepada senjata-senjata itu yang direkabentuk atau disesuaikan untuk mengecilkan bunyi atau pancaran api yang disebabkan dengan menembak senjata itu seperti mana yang dinyatakan dalam Akta Senjata 1960 [*Akta 206*].

5.0 SENARAI HIDUPAN LIAR YANG DIBENARKAN DAN MUSIM TERBUKA

Hidupan liar yang dibenarkan untuk diburu dengan cara menembak adalah spesies Babi Hutan (*Sus scrofa*) dan Ayam Hutan (*Gallus gallus*) sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Pemuliharaan Hidupan Liar (Musim Terbuka, Kaedah dan Masa Memburu) 2014 dan Perintah Pemuliharaan Hidupan Liar (Musim Terbuka, Kaedah dan Masa Memburu) (Pindaan) 2020.

Nama Tempatan	Nama Saintifik	Musim Terbuka	Masa Memburu	Jenis Senjata Api
Babi Hutan	*Sus scrofa*	1 Julai hingga 31 Disember	7.00 pagi – 7.00 malam	Senapang patah (twelve-bore) sahaja
Ayam Hutan	*Gallus gallus*	1 Mei hingga 31 Ogos		

6.0 TATACARA PERMOHONAN

6.1 Pemohon lesen memburu perlu mengemukakan kepada Jabatan PERHILITAN Negeri dokumen yang berikut:

a. Borang permohonan lesen yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang rasmi Jabatan PERHILITAN www.wildlife.gov.my (**Lampiran 1**).

b. Satu (1) salinan kad pengenalan.

c. Maklumat cadangan kawasan memburu.

d. Lesen senjata api (beserta kebenaran memburu dengan menggunakan senjata api secara bersyarat PDRM) dan satu (1) salinan.

e. Sijil Taklimat Etika Pemburu Hidupan Liar Berlesen (jika ada dan masih sah tempoh).

6.2 Pemohon yang belum mempunyai Sijil Taklimat Etika Pemburu Hidupan Liar Berlesen atau sijil telah tamat tempoh akan diberikan Taklimat Etika Pemburu Hidupan Liar Berlesen di Pejabat PERHILITAN Negeri. Taklimat tersebut memberi penerangan berkaitan kawasan larangan memburu, musim memburu dan perundangan berkaitan. Pemohon juga akan diberikan sijil taklimat setelah selesai menghadiri taklimat tersebut (**Lampiran 2**). Tempoh sah sijil taklimat adalah selama 3 tahun.

6.3 Petugas kaunter akan merekod, menyemak dan memproses permohonan yang diterima. Petugas kaunter memproses permohonan di dalam Sistem Pelesenan Jabatan PERHILITAN @ myPERHILITAN.

6.4 Pegawai pelesen akan membuat semakan, mempertimbangkan permohonan dan membuat keputusan melulus atau menolak permohonan itu.

6.5 Petugas kaunter akan memproses pembayaran dan cetakan lesen.

6.6 Pemegang lesen hendaklah memulangkan lesen memburu ke Pejabat PERHILITAN Negeri dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh habis tempoh sah dan merekodkan bilangan, jenis dan jantina hidupan liar yang dibunuh atau dilukakan. Jika tiada hidupan liar yang dibunuh maka perkataan "Tiada" hendaklah ditulis di dalam lesen itu.

7.0 LOKASI MEMBURU

Pemburuan dilarang di dalam kawasan yang dinyatakan dalam Perintah Pemuliharaan Hidupan Liar (Kawasan Larangan Memburu) (Pindaan) 2020. Aktiviti memburu hanya dibenarkan di dalam negeri yang mengeluarkan lesen.

8.0 PENUTUP

Pemohon hendaklah mematuhi peraturan-peraturan, perintah atau syarat-syarat yang berkuat kuasa berkaitan lesen memburu hidupan liar yang dilindungi dengan penuh tanggungjawab. Kegagalan mematuhi peraturan-peraturan, perintah atau syarat-syarat itu akan menjejaskan permohonan lesen memburu di masa hadapan dan jika disabit kesalahan akan dikenakan tindakan undang-undang.

LAMPIRAN 1

JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN)
www.wildlife.gov.my

Sila kepilkan satu keping gambar ukuran pasport

BORANG PERMOHONAN LESEN / PERMIT No. K/P:

A. Maklumat Pemohon

Nama:	Alamat Surat Menyurat:
No. Telefon:	Alamat E-mel:

B. Jenis Permohonan Lesen / Permit

JENIS LESEN YANG DIPOHON		JENIS PERMIT YANG DIPOHON
☐ Memburu atau mengambil hidupan liar No. Lesen Senjata Api :	☐ Memungut sarang burung	☐ M engendalikan Zoo Alamat premis:
☐ Menyimpan hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar	☐ Mengimport hidupan liar Melalui:	☐ Pembiakbakaan dalam Kurungan Komersial Alamat premis:
☐ Menjalankan urusniaga berniaga **(Sila isi ruangan C)**	☐ Mengeksport hidupan liar Melalui:	☐ Mengendalikan Sarkas atau Pameran Hidupan Liar Alamat premis:
☐ Menjalankan perniagaan taksidermi **(Sila isi ruangan C)**	☐ Mengeskport semula hidupan liar Melalui:	☐ Menjalankan Penyelidikan ke atas Hidupan Liar Alamat premis:

C. Jenis Perniagaan (Bagi LESEN Berniaga dan Taksidermi SAHAJA)

☐ Menjual mana-mana hidupan liar yang dilindungi atau bahagian atau terbitan hidupan liar sebagai makanan atau bagi maksud perubatan

☐ Menjual atau membeli untuk dijual semula bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar

☐ Menempat, mengurung atau membiakkan mana-mana hidupan liar untuk dijual

☐ Menyediakan, mengawet, mengisi atau melekapkan hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar

☐ Membuat atau mencipta suatu barang atau benda daripada hidupan liar atau bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar

D. Maklumat Spesies Hidupan Liar

No	Nama Saintifik / Nama Tempatan	Jantina	No. Penandaan	Sumber

** Sila lampirkan sekiranyan ruangan tidak mencukupi

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan / Cap Jari Pemohon;	Tarikh

LAMPIRAN 2

CONTOH

SIJIL PENYERTAAN

Dengan ini mengesahkan bahawa

ALI BIN ABU
810101-01-5111

telah hadir

TAKLIMAT ETIKA PEMBURU HIDUPAN LIAR BERLESEN

yang telah diadakan pada

30 APRIL 2025

bertempat di

PEJABAT PERHILITAN NEGERI TERENGGANU

Ahmad

AHMAD KAMARUDDIN BIN AMIN
Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
Dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Terengganu

*Sijil ini sah dalam tempoh 3 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan

LAMPIRAN 3

CARTA ALIR PENGELUARAN LESEN MEMBURU HIDUPAN LIAR YANG DILINDUNGI DENGAN CARA MENEMBAK (BERSYARAT)

